

20 JUL 1999

Mahathir-Putrajaya

PUTRAJAYA AKAN JADI IBU NEGARA BARU

JITRA, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Putrajaya, bandar baru dan pusat pentadbiran kerajaan pusat yang terletak di Selangor, akan menjadi ibu negara yang baru suatu hari nanti.

Perdana Menteri berkata kerajaan membangunkan bandar baru itu untuk kepentingan jangka panjang untuk dijadikan ibu kota yang dibuka dan dibina sendiri oleh rakyat Malaysia.

"Pembinaan Putrajaya adalah bagi jangka panjang, 100 tahun akan datang. Rakyat sepatutnya berasa bangga dengan ibu kota yang kita bina sendiri," katanya ketika berucap pada perjumpaan dengan rakyat di Kampung Jeragan, dekat sini.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada sini bagi hari terakhir dalam lawatan dua hari ke negeri Kedah. Ia merupakan lawatan pertama dalam pusingan kedua siri lawatan beliau ke negeri-negeri tahun ini untuk "turun padang" bagi memberi penerangan mengenai isu-isu semasa.

Putrajaya yang menempatkan pusat pentadbiran kerajaan pusat yang baru termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM) dicap oleh pembangkang sebagai projek mega yang tidak perlu malahan membazir. Presiden PAS Datuk Fadzil Noor baru-baru ini berjanji kepada rakyat untuk melelong Putrajaya sekiranya barisan pembangkang memenangi pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berkata ibu negara sekarang, Kuala Lumpur telah dibuka oleh Yap Ah Loy dengan tujuan melombong bijih timah dan British kemudian menjadikannya sebagai ibu kota negara ini.

"Setelah 42 tahun negara Merdeka, kita hendak sebuah ibu kota yang kita bina sendiri, sebab itu kita buat Putrajaya. Putrajaya dibuat khusus semasa kita Merdeka. Itu hasrat kita," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu sebelum itu menjelaskan kepada penduduk kawasannya tentang tohmahan pembangkang kononnya kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya adalah "mahligai" peribadinya.

"Umur saya dah dekat 74 tahun, berapa lama nak hidup, kalau pemimpin Pas jadi Perdana Menteri duduklah di situ. Janganlah takbur kata tidak mahu duduk," katanya.

Beliau berkata ada pemimpin Pas dahulu waktu jadi Menteri Besar mengatakan beliau tidak mahu tinggal di Kediaman Rasmi Menteri Besar dan menggunakan kereta rasmi jenis Mercedes tetapi akhirnya pakai kereta itu.

Pemimpin Pas berkenaan memberi alasan memakai kereta itu kononnya beliau kasihan pegawai kerajaan tidak boleh pakai kereta lebih besar jika MB sendiri pakai kereta kecil, katanya.

Dr Mahathir mengakui kediaman rasmi Perdana Menteri itu memang agak besar kerana ia merupakan sebahagian kompleks yang mempunyai kemudahan untuk orang ramai seperti dewan.

Beliau juga menjelaskan kediaman rasmi Perdana Menteri itu ditambah menjadi enam bilik atas kelulusan menteri kewangan ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga bekas timbalan perdana menteri yang mempunyai enam anak dan bakal tinggal di situ.

Katanya spesifikasi kediaman itu mengambil kira keperluan Anwar yang ketika itu memang dijangka menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri.

Katanya kalau Pas hendak melelong Putrajaya kepada raja-raja asing yang kaya bermakna Masjid Putrajaya juga akan dilelong mereka.

"Saya sudah kaji sejarah Islam, tidak ada orang melelong masjid. Apa

cakap macam ini. Cakap tidak berfikir langsung," katanya dalam nada kesal.

Perdana Menteri juga menjelaskan secara panjang lebar sebab-sebab beliau melucutkan Anwar sebagai timbalannya.

Beliau antara lain berkata tindakannya terhadap Anwar bukan diambil atas perasaan benci tetapi berdasarkan rasa tanggungjawab terhadap rakyat termasuk generasi akan datang.

-- BERNAMA

ZKS NMO